

Tasawur pembangunan Malaysia Madani (T-PMM) berdasarkan pandangan para pemegang taruh

ARTICLE INFO

[The development worldview of Malaysia Madani (T-PMM) based on the perspectives of stakeholders]

Revised Date: 27 August 2025
Accepted Date: 6 September 2025
Published Date: 26 September
2025

Siti Jalilah Ahmad^{1*} & Mohd Shukri Hanapi¹

Kata Kunci:
Tasawur pembangunan, Malaysia
Madani, Pemegang Taruh

¹ Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam, Bangunan D04, 11800
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia.

*Corresponding email: hshukri@usm.edu.my

Keywords:
*Development Worldview, Malaysia
Madani, Stakeholders*

Abstrak

Setiap pemimpin yang menerajui tampuk kepimpinan sesebuah negara pasti mempunyai idealisme dan gagasan pembangunan yang tersendiri. Penerimaan rakyat terhadap naratif sesuatu gagasan mencerminkan kewibawaan dan legitimasi karismatik seorang pemimpin serta menjadi pemangkin kepada kemakmuran negara. Bagi membangunkan sebuah negara yang mampan, dinamik dan inklusif, Malaysia di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim telah menjadikan Malaysia Madani sebagai gagasan negara. Sebagai sebuah gagasan pembangunan negara yang baru, perkara utama yang perlu diperhatikan adalah pada aspek acuan atau tasawurnya. Persoalannya, apakah tasawur gagasan Malaysia Madani ini? Adakah tasawur Malaysia Madani bersumberkan tasawur Islam atau tasawur lazim? Bagi menjawab persoalan ini, kertas kerja ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis tasawur gagasan Malaysia Madani samada bersumberkan tasawur Islam ataupun tasawur lazim. Kajian kualitatif ini melibatkan temu bual tidak berstruktur terhadap pemegang taruh yang terlibat dalam merancang dan melaksana agenda pembangunan negara. Dapatan temu bual kemudiannya dianalisis secara tematik menggunakan perisian ATLAS.ti. Hasil kajian mendapati bahawa gagasan Malaysia Madani masih tidak mempunyai sebuah tasawur yang jelas. Selain itu, terdapat beberapa cabaran dalam menetapkan tasawur madani yang sebenar. Impaknya, hasrat yang dibawa Gagasan Malaysia Madani tidak akan berjaya disambut dan direalisasikan oleh rakyat. Oleh itu, kajian ini mencadangkan sebuah kerangka tasawur pembangunan Malaysia Madani (T-PPM) yang baharu.

Abstract

Every national leader who assumes the helm of a country's governance invariably possesses distinct ideals and developmental visions. The public's acceptance of a leader's narrative reflects the leader's authoritative standing and charismatic legitimacy, serving as a catalyst for national prosperity. To establish a sustainable, dynamic, and inclusive nation, Malaysia under the administration of the Honourable Dato' Seri Anwar Ibrahim has adopted the Malaysia Madani framework as its national development paradigm. As a novel developmental concept, the primary focus must be on its foundational worldview or *tasawur*. This raises critical questions: what constitutes the *tasawur* of Malaysia Madani? Is it derived from an Islamic worldview or a more conventional, secular perspective? In addressing these inquiries, this paper aims to identify and analyze the *tasawur* underpinning Malaysia Madani, discerning whether it originates from Islamic principles or from a secular framework. This qualitative study utilizes unstructured interviews with key stakeholders engaged in the planning and implementation of the national development agenda. The interview data are thematically analyzed using ATLAS.ti software. The study finds that the Malaysia Madani initiative remains without a clearly articulated worldview (*tasawur*). Furthermore, significant challenges persist in defining an authentic and coherent Madani framework. Consequently, the aspirations promoted under the Malaysia Madani agenda risk being neither embraced nor actualized by society at large. To address this gap, the study advances a newly proposed conceptual framework for Malaysia Madani development (T-PPM).

Pengenalan

Tarikh 31 Ogos 1957 merupakan detik yang terpahat kukuh dalam lakaran sejarah kemerdekaan Tanah Melayu. Pembebasan Tanah Melayu daripada kuasa penjajahan British merupakan suatu kemenangan yang besar terutamanya kepada umat Islam apabila agama Islam diangkat ke dalam Perlembagaan Malaysia sebagai agama Persekutuan. Kedudukan Islam di dalam perlembagaan Tanah Melayu sebenarnya telah wujud seawal zaman Kesultanan Melayu Melaka kira-kira lima abad yang lalu. Sehingga kini, kedudukan Islam selain dipelihara oleh peruntukan perlembagaan negeri atas posisi raja sebagai ketua agama bagi negeri baginda, Perkara 150(6A) Perlembagaan Persekutuan turut melindungi kedudukan Islam, hukum syarak dan adat Melayu daripada diubah sama sekali walaupun negara berada keadaannya darurat (Wan Husain et al., 2017).

Menurut Abdul (2017), pengamalan Islam di Malaysia adalah dengan sepenuhnya menepati konsep Islam sebagai *al-din* yang membawa maksud sebagai suatu cara hidup yang menyeluruh, sempurna, serasi dan sesuai dengan fitrah kehidupan manusia (Din, 2007). Ia tidak hanya tertumpu kepada aspek ibadah semata-mata, malah turut merangkumi sosial, politik, pendidikan, ekonomi dan sebagainya. Oleh itu, kita tidak dapat menafikan bahawa kedudukan agama Islam dalam peruntukan Perlembagaan memberi kesan kepada corak pembangunan negara (Mohamad, 2005). Sehingga kini, Malaysia telah dipimpin oleh 10 orang Perdana Menteri yang membawa idea, slogan dan gagasan khususnya dalam usaha memacu kemajuan negara. Antaranya ialah Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman (1957–1963) dengan membawa Gagasan Malaysia (Abd Razak, 2003); Tun Abdul Razak Hussein (1963–1976), Gagasan Perpaduan Nasional dan Dasar Ekonomi Baru (Saat, 2014); Tun Dr Mahathir Mohamad (1981–2003), Wawasan 2020 dan Penerapan Nilai-Nilai Islam, (2018–2020) Wawasan Kesemakmuran Bersama 2030 (Md Raeh, 2022); Tun Abdullah Ahmad Badawi (2003–2009), Islam Hadhari; Datuk Seri Najib Tun Razak (2009–2018), 1 Malaysia dan Indeks Syariah Malaysia; Tan Sri Muhyiddin Yassin (2020–2021), Malaysia Prihatin; Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (2021–2022), Keluarga Malaysia; dan Datuk Seri Anwar Ibrahim (2022–kini), Malaysia Madani.

Sebagai gagasan pembangunan negara yang mutakhir, Malaysia Madani telah mendapat pelbagai reaksi di kalangan rakyat setelah diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang ke-10 pada 19 Januari 2023. Manggiarotti (2023) menyatakan bahawa walaupun Gagasan Malaysia Madani mengangkat prinsip moral Islam yang menekankan keadilan sosial dan peradaban, realitinya ia masih terikat dengan struktur politik perkauman yang bersifat eksklusif. Selain itu, berdasarkan kajian lapangan yang telah dilakukan oleh Ab Rahim dan Awang Besar (2024), sebahagian masyarakat tidak mengetahui dan memahami istilah madani itu sendiri. Oleh itu, kerajaan digesa supaya menjelaskan konsep dan idea Malaysia Madani kerana berlaku kekeliruan di kalangan ilmuwan dan agamawan terhadap dasar yang menjadi acuannya (Mohd Salleh, 2023). Timbul persoalannya di sini apakah tasawur yang menjadi acuan kepada pembinaan Malaysia Madani? Adakah tasawur Malaysia Madani berdasarkan tasawur Islam atau tasawur lazim? Benarkah tasawur masyarakat madani ini berpandukan pembangunan Rasulullah SAW di Kota Madinah dahulu? Sehubungan dengan itu, menjadi satu keperluan untuk mengenal pasti tasawur pembangunan yang digunakan agar Gagasan Malaysia Madani yang dibangunkan beracuankan tasawur Islam yang tulen.

Sorotan literatur

Tasawur Islam

Dari sudut etimologi, istilah tasawur berasal daripada istilah Arab *tasawwur*. Kata dasar istilah *tasawwur* ini ialah *sawwara*. Ia bermaksud tanggapan, gambaran, atau cara pandang terhadap segala sesuatu (Mihna, 1993; Ibn Manzur, 1994; Mas'ud, 1990b; al-Qasimiy, 1989; Madkur, 1990). Berdasarkan maksud istilah tasawur dari sudut etimologi ini, dapatlah disimpulkan maksud tasawur dari sudut terminologi iaitu gambaran atau penjelasan yang komprehensif dan hakiki mengenai sesuatu (Hassan, 1993; Awang, 1997).

Selain daripada istilah tasawur, terdapat beberapa istilah lain yang dipakai secara umum untuk cara pandang ini. Misalnya, dalam bahasa Inggeris istilah yang dipakai adalah *worldview* (pandangan dunia), manakala dalam bahasa Jerman pula adalah *weltanschauung* atau *weltansicht* (pandangan dunia) (Zarkasyi, 2004 & 2011; Solihu, 2009; Berghout, 2009a). Kemudian, Hung (1997) dan Gutting (1980) pula sepakat mengatakan kedua-dua istilah ini sama dengan istilah paradigma. Sebenarnya

istilah umum *worldview* dan *weltanschauung* ini hanya terbatas pada pengertian ideologi sekular, kepercayaan animisme dan doktrin-doktrin teologi yang ada kaitan dengan visi keduniaan semata-mata. Dalam perkataan lain, kedua-dua istilah tersebut dipakai untuk menggambarkan dan membezakan antara hakikat sesuatu agama, peradaban atau kepercayaan. Kadangkala ia juga digunakan sebagai kaedah ilmu perbandingan agama (Zarkasyi, 2004).

Dalam pemikiran Islam pula, terdapat pelbagai istilah yang digunakan. Antaranya ialah istilah *tasawwur al-Islamiy* (pandangan dunia Islam) (Qutb, 1965), *al-mabda' al-Islamiy* (prinsip-prinsip Islam) (al-Zayn, 1982), *nazariyyah al-Islam* (visi Islam) (al-Mawdudiy, 1985), *al-tasawwur al-tawhidiy* (pandangan hidup tauhid) (al-Faruqiy, 1995), dan *ru'yaṭ al-Islam li al-wujud* (pandangan Islam terhadap kewujudan) (al-Attas, 2023). Kadangkala disebut juga *nazrah al-Islam li al-kawn* (pandangan Islam terhadap alam semesta) (al-Attas, 2023).

Menurut Zarkasyi (2004 & 2011), istilah tasawur dan yang seerti dengannya ini bersifat berkecuali dan hanya diguna pakai sebagai kata pinjaman. Oleh itu, ia perlu disandarkan dengan kata sifat Islam. Sesuatu istilah asing akan mengalami perubahan definisinya apabila disandarkan dengan kata sifat Islam, Kristian, Barat dan sebagainya. Dalam perkataan lain, istilah-istilah ini boleh diguna pakai untuk apa jua agama dan peradaban pun. Misalnya, *tasawwur al-Islamiy*, *Islamic worldview*, *Western worldview* (pandangan alam Barat), *Christian worldview* (pandangan alam Kristian), *Hindis worldview* (pandangan alam Hindu), *Buddhist worldview* (pandangan alam Buddha), *New Testament worldview* (pandangan alam Perjanjian Baru) dan sebagainya (Berghout, 2009b). Kata sifat Islam, Barat, Kristian, Hindu, Buddha dan Perjanjian Baru itu digunakan sebagai pembeza. Selain itu, hal ini juga mempamerkan bahawa setiap agama dan peradaban itu mempunyai tasawur atau *worldview* yang tersendiri.

Dalam tradisi pemikiran Islam klasik, tidak ditemui istilah khusus yang digunakan untuk menggambarkan pengertian tasawur atau *worldview* ini. Walau bagaimanapun, ini tidak bererti para ilmuwan Islam klasik tidak memiliki tasawur yang dijadikan asas sistematik untuk memahami realiti (Zarkasyi, 2011). Hal ini berbeza pula dengan para ilmuwan Islam pada abad ke-20. Mereka didapati telah menggunakan istilah-istilah khusus bagi menggambarkan pengertian tasawur ini. Namun, ia berbeza antara satu sama lain. Misalnya, Qutb (1965) menggunakan istilah *al-tasawwur al-Islamiy*; al-Zayn (1982) pula menggunakan istilah *al-mabda' al-Islamiy*; al-Mawdudiy (1985) menggunakan istilah *nazariyyat al-Islam*; al-Faruqiy (1995) menggunakan istilah *al-tasawwur al-tawhidiy*; dan al-Attas (2023) menggunakan istilah *ru'yah al-Islam li al-wujud*.

Meskipun istilah yang dipakai itu berbeza-beza, tetapi para ilmuwan Islam tersebut sepakat mengatakan Islam mempunyai cara pandangnya yang tersendiri terhadap segala sesuatu (Zarkasyi, 2011). Penggunaan kata sifat Islam oleh para ilmuwan Islam terhadap istilah tasawur atau *worldview* itu mempamerkan bahawa ia bersifat berkecuali. Justeru, untuk menunjukkan dengan penambahan kata sifat Islam terhadap istilah tasawur atau *worldview* itu dapat merubah maknanya, maka dikemukakan beberapa definisi tasawur oleh para ilmuwan Islam.

Misalnya, penggunaan istilah *al-tasawwur al-Islamiy* oleh Qutb (1965) memberi erti tasawur Islam itu merupakan segala keyakinan asas tentang Islam yang terbentuk dalam fikiran dan hati setiap Muslim. Kemudian al-Zayn (1982) pula menggunakan istilah *al-mabda' al-Islamiy* yang lebih cenderung merupakan kesatuan iman dan akal. Oleh sebab itu, beliau mengertikan *al-mabda'* sebagai *al-qiyadah al-fikriyyah* iaitu kepercayaan yang berdasarkan kepada akal. Setiap Muslim wajib beriman kepada hakikat kewujudan Allah SWT, kenabian Nabi Muhammad SAW dan al-Qur'an melalui akal. Beriman kepada sesuatu perkara ghaib itu adalah berdasarkan cara pandang yang diteguhkan oleh akal sehingga ia tidak dapat disangkal lagi. Begitu juga ketika beriman dengan Islam sebagai agama yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad SAW untuk mengatur hubungan manusia dengan Allah SWT, hubungan manusia dengan dirinya sendiri, dan hubungan manusia sesama manusia.

Selain itu, al-Mawdudiy (1985) pula menggunakan istilah *nazariyyah al-Islam* untuk menjelaskan pengertian tasawur Islam ini. Ia bermaksud konsep cara hidup Islam yang dimulai dengan penyaksian tentang keesaan Allah SWT. Perkara ini memberi kesan pada keseluruhan kegiatan kehidupan manusia. Hampir sama dengan definisi al-Mawdudiy (1985) ini ialah definisi yang dikemukakan oleh al-Faruqiy (1995). Beliau menggunakan istilah *al-tasawwur al-tawhidiy* yang bererti pandangan hidup tentang kebenaran, kenyataan, dunia, ruang dan masa, sejarah dan takdir adalah berpaksikan kalimah *al-syahadah* yang menjadi asas *tawhid*.

Agak berbeza dengan penulis-penulis sebelum ini, al-Attas (1996; 2007 & 2023) menggunakan istilah *ru'yah al-Islam li al-wujud* untuk menjelaskan pengertian tasawur Islam. Ia adalah pandangan Islam tentang realiti dan kebenaran yang menjelaskan tentang hakikat kewujudan. Pandangan Islam ini merentas alam fizikal iaitu meliputi kedua-dua alam dunia dan akhirat. Hal ini bersesuaian dengan Islam yang bersifat komprehensif.

Menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1996 & 2023), pentakrifan ini bertentangan dengan satu lagi pentakrifan tasawur menurut Islam iaitu *nazrah al-Islam li al-Kawn* (pandangan Islam terhadap

alam fizikal). Dengan menggunakan istilah *nazrah*, ia seolah-olah mempamerkan tasawur menurut Islam hanyalah spekulasi falsafah Barat yang semata-mata berasaskan pengalaman indera atau perkara-perkara yang boleh dilihat. Demikian juga dengan penggunaan istilah *al-kawn* (alam fizikal) yang mempamerkan seolah-olah tasawur dalam Islam hanya terbatas di alam dunia sahaja. Cara pentakrifan sedemikian jelas mempamerkan pengaruh pemikiran saintifik sekular Barat moden. Sedangkan tasawur menurut Islam merentas alam fizikal iaitu meliputi kedua-dua alam dunia dan akhirat. Pandangan yang dikemukakan oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1996 & 2023) ini dipersetujui oleh Fadzil (2009) dan Panel Akademi Pengurusan YaPEIM (2011). Menurut mereka, pemahaman tasawur dalam Islam yang hanya dihadkan terhadap segala sesuatu di alam fizikal semata-mata tidak memadai dan mengelirukan, malah ia jelas dipengaruhi oleh pemikiran falsafah Barat.

Pandangan Qutb (1965), al-Zayn (1982), al-Mawdudiy (1985), al-Faruqiy (1995) dan Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1995) sebelum ini telah mempamerkan sifat atau ciri Islam sebagai suatu pandangan hidup yang membezakannya dengan pandangan hidup lain. Namun, jika diteliti pemikiran di sebalik definisi para ilmuwan Islam tersebut, terdapat beberapa orientasi yang berbeza. Misalnya, Qutb (1965) dan al-Zayn (1982) lebih cenderung memahaminya sebagai doktrin kepercayaan rasional yang membawa kepada pembentukan sebuah ideologi. Al-Mawdudiy (1985) dan al-Faruqiy (1995) pula lebih menjurus kepada konsep kekuasaan dan keesaan Allah SWT dalam mencorakkan segala aktiviti kehidupan manusia. Hal ini lebih berbentuk pemikiran politik. Manakala Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2023) pula lebih cenderung kepada makna falsafah dan epistemologi.


Definisi tasawur secara khusus menurut Islam lebih luas cakupannya kerana sumber dan spektrumnya yang lebih luas dan menyeluruh. Oleh itu, makna tasawur menurut Islam lebih luas daripada makna tasawur lazim. Namun, oleh kerana tidak terdapat istilah-istilah yang lebih tepat untuk menggambarkan visi yang lebih luas dari realiti keduniaan selain dari istilah tasawur dan *worldview*, maka para ilmuwan Islam tetap mengguna pakai kedua-dua istilah tersebut untuk makna pandangan hidup yang spektrumnya merangkumi realiti keduniaan dan keakhiratan dengan menambah kata sifat Islam (Zarkasyi, 2004). Maka dari sini lahirlah istilah tasawur Islam.

Berdasarkan keseluruhan perbincangan tentang pengertian tasawur sama ada secara umum atau khusus sebelum ini, maka dapatlah disimpulkan bahawa maksud istilah tasawur ialah gambaran atau penjelasan yang komprehensif dan hakiki mengenai sesuatu (Hassan, 1993; Awang, 1997). Pengertian yang komprehensif ini merangkumi penjelasan yang sebenar dan lengkap tentang perkara yang dikaji (Din, 1992). Apabila perkataan tasawur itu digabungkan dengan kata sifat Islam, maka ia membentuk tasawur Islam yang bermaksud gambaran komprehensif atau hakiki mengenai Islam yang bertujuan memperjelaskan secara keseluruhan prinsip asas Islam secara benar dan menyeluruh sehingga menjadi asas kepada pandangan hidup dan bersebat dalam diri seseorang (Din, 1992; Salleh, 2003a; Awang, 1997).

Dari segi aspek epistemologinya pula, tasawur Islam bersumberkan *naqli* dan *'aqli*. Sumber *naqli* ialah sumber wahyu iaitu al-Qur'an dan hadis. Kedua-dua sumber ini merupakan sumber tertinggi dan merangkumi alam nyata (*musyahadah*) dan alam ghaib. Maka, manusia tidak hanya terbatas kepada perkara atau pengalaman yang mampu ditanggapi oleh pancaindera sahaja. Sebaliknya, kedua sumber *naqli* ini akan sentiasa memandu akal manusia kepada kebenaran dalam melakukan sesuatu keputusan (Hanapi, 2024). Kebijaksanaan akal yang disuluh cahaya keimanan merupakan sumber *'aqli*, daripada dua komponen utama iaitu *al-ijma'* dan *al-qiyas* sebagai pelengkap kepada epistemologi Islam.

Salleh (2002 & 2003a) menjelaskan bahawa terdapat tiga elemen asas yang utama di dalam tasawur Islam. Pertama, Allah SWT adalah Pencipta. Kedua, manusia (pelaku pembangunan) adalah makhluk. Ketiga, sumber alam (peralatan pembangunan) juga adalah makhluk. Secara ringkasnya dapat difahami bahawa hubungan manusia dengan Allah SWT adalah sebagai hamba (hubungan menegak) dan hubungan manusia sesama manusia dan sumber alam adalah sebagai khalifah (hubungan mendatar) (Hanapi, 2015). Ketiga-tiga asas ini menjadi acuan yang membentuk setiap aspek kehidupan manusia. Elemen-elemen asas tasawur Islam ini digambarkan dengan lebih jelas dalam Rajah 1.

Rajah 1: Elemen asas tasawur Islam



Sumber: Diolah daripada Salleh (2002 & 2003a)

Kesemua elemen ini ditunjangi oleh Tauhid yang berperanan penting dalam sesuatu pembangunan. Misalnya, dalam melaksanakan pembangunan, pekerjaan tersebut akan dinilai sebagai ibadah sekiranya diniatkan kerana Allah SWT. Tugas manusia sebagai khalifah juga adalah berbentuk pengabdian dan memperhambakan diri kepada Allah SWT. Manusia juga harus mengakui bahawa Allah SWT adalah Pencipta dan Pemilik mutlak segala sumber alam yang digunakannya sebagai alat pembangunan. Begitu juga dengan kesedaran dan keseimbangan terhadap dunia dan akhirat yang terbit daripada keyakinan tauhid yang jitu terhadap kewujudan hari akhirat. Akhirnya, segala pembangunan yang dilakukan adalah hanya semata-mata untuk meraih keredaan Allah SWT.

Kesimpulannya, tasawur memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan. Dengan tasawur yang jelas, pembangunan yang dihasilkan berbentuk komprehensif, sepadu dan seimbang. Pembangunan yang didasari tasawur Islam bersifat holistik, meliputi semua aspek dalam kehidupan manusia tanpa mengesampingkan urusan dunia, malah turut merangkumi kesejahteraan di akhirat.

Malaysia Madani

Pembentukan masyarakat madani merupakan suatu gagasan yang tidak asing lagi dalam perjalanan politik Anwar Ibrahim. Menurut Institut Darul Ehsan (IDE) (komunikasi bersemuka, 12 Ogos 2024), cita-cita untuk membina sebuah peradaban masyarakat yang bertamadun telah sebatu dalam perjuangan Anwar Ibrahim seawal tahun 1979 sewaktu menjawab jawatan sebagai Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Institut Darul Ehsan (IDE) (komunikasi bersemuka, 12 Ogos 2024) menjelaskan bahawa:

"1979 ketika Presiden ABIM dia dah keluar buku dah. Islam Penyelesaian kepada Masyarakat Majmuk. Tahun 89 ketika Menteri Pendidikan, Anwar Ibrahim menangani perubahan. Masa tu perubahan culture. 1997 masa tu Menteri Kewangan, Timbalan Perdana Menteri, gelombang kebangkitan Asia. Dan Asia ni memang besar. Yang ini, madani. bagi Dato' Seri Anwar, madani ni bukan benda baru sebab dia dah sebut lama dah. Sebab daripada rentetan ini, ini semua ni unsur madani dah ada dalam semua ni. Kemudian 1995, tentang Islam dan pembentukan masyarakat madani. So, cliché perkataan madani ni dah ada dalam kepala dia dah lama dah. Walaupun ramai orang cadang lain dia nampak madani yang nak dibina tulah. Yang ini bentang dekat Indonesia, tahun berikutnya UKM buat jugak Konvensyen Pembinaan Masyarakat Madani: Model Malaysia. Antara pembentangannya Ustaz Siddiq jugaklah. Jadi timeframe buku ni kita pernah bentangkan semasa setahun Malaysia Madani, kita bentangkan sebab kita nak tunjukkan Anwar dengan buku ni sentiasa ada."

Sekitar tahun 1997, beliau mengetengahkan gagasan masyarakat madani kepada penduduk Islam di Asia Tenggara seiring dengan gelombang kebangkitan Asia pada waktu tersebut. Gagasan

untuk membina sebuah Negara Malaysia Madani telah diluncurkan bersama buku yang bertajuk *Script: For A Better Malaysia* sebelum Pilihan Raya Umum Ke-15 sebagai simbol kesediaan beliau untuk memimpin Malaysia yang maju dan makmur. Namun demikian, untuk memahami makna sebenar di sebalik gagasan madani tidak cukup dengan hanya sekadar berpandukan buku tersebut sebaliknya perlu ditelusuri bersama perkembangan revolusi peradaban masyarakat dalam kerangka pemikiran Anwar Ibrahim itu sendiri. Menurut Institut Darul Ehsan (IDE) (komunikasi bersemuka, 12 Ogos 2024):

"Dia sebenarnya ini adalah perjalanan empat dekad. Nota-nota itu ialah kita nak tunjuk bahawa dekat situ dia fokus dan dia mula take serious. Sebelum tu dia ni banyak ceramah, banyak ucapan-ucapan dia ni semua kan. Jadi, itu dituangkan ke dalam buku-buku dia sebelum ini. Jadi, daripada situ yang dia masuk yang kali ketiga ke dalam penjara itulah yang dia serius dan dia garap daripada pemikiran-pemikiran tokoh-tokoh kesarjanaan Islam apa semua. Jadi itu yang disebutkan yang mana benda itu dirasakan penting dan perlu untuk negara ini."

Sebagai seorang intelektual reformis, pembudayaan ilmu pengetahuan sangat subur dalam kehidupan beliau. Semasa dimasukkan ke dalam penjara untuk kali ketiga, beliau telah menghabiskan bacaan sebanyak 270 buah buku dan makalah. Hasil pembacaan beliau diterjemahkan ke dalam bentuk catatan yang kemudiannya dikumpulkan nota-nota tersebut sebagai rujukan utama dalam pembinaan Malaysia Madani (Institut Darul Ehsan (IDE), komunikasi bersemuka, 12 Ogos 2024).

Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) (komunikasi bersemuka, 12 Ogos 2024) menyatakan bahawa empat tokoh sarjana Islam yang sentiasa menjadi rujukan utama beliau dalam kerangka perbincangan madani ialah al-Farabiy, Ibn Khaldun, Bennabi (1905-1973) dan Muhd Iqbal (1877-1983). Al-Farabiy cuba menterjemahkan bentuk pembangunan sebuah negara yang unggul seperti '*al-Madinah al-Fadhilah*' berpandukan konsep *al-Din*. Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) (komunikasi bersemuka, 12 Ogos 2024) menjelaskan bahawa:

"Pembangunan negara yang perincian konsep al-Din tu bererti syumul, bererti yang berperadaban, yang menjaga kepentingan semua pihak. Dapat menerapkan nilai-nilai baru dalam masyarakat. Sebab tu dia anggap sebuah negara dari perspektif al-Din tu dia mengangkat nilai-nilai. Dia ada lima nilai teras ya. Jadi negara Madinah al-Fadhilah ni dia semua negara yang mengandungi nilai-nilai unggul. Negara kita akan menjadi unggul bila ada nilai-nilai."

Walau bagaimanapun, Gagasan Malaysia Madani tidak mengambil keseluruhan daripada model '*al-Madinah al-Fadhilah*' sebagai kerangka utama. Akan tetapi, ciri-ciri dan nilai-nilai yang ditonjolkan oleh penduduk Kota Madinah seperti persaudaraan di antara Kabilah Auf dengan Khazraj serta kerjasama yang erat ketika melindungi negara daripada serangan musuh dari segi ekonomi dan peperangan patut dicontohi (Institut Darul Ehsan (IDE), komunikasi bersemuka, 12 Ogos 2024). Secara umumnya, Malaysia Madani adalah merupakan suatu tanggungjawab kenegaraan untuk membangun sebuah tamadun Malaysia berpaksikan nilai-nilai universal yang inklusif dan bercirikan takrifan tempatan (*local wisdom*) (Akademi Kenegaraan Malaysia, komunikasi bersemuka, 25 Oktober 2024).

Sebagaimana model Negara '*al-Madinah al-Fadhilah*' yang pernah dikemukakan oleh al-Farabiy, pembinaan negara Malaysia juga berpaksikan nilai-nilai yang unggul. Oleh itu, tafsiran beliau sebagai seorang ahli intelektual dalam konteks hari ini untuk membina sebuah model pembangunan negara berdasarkan konsep *al-din* yang syumul meliputi kepentingan semua pihak. Proses pembinaan kerangka Malaysia Madani bermula pada tahun 2020 yang diketuai sendiri oleh Anwar Ibrahim dan beberapa kumpulan penyelidik di bawah Institut Darul Ehsan (IDE) (Institut Darul Ehsan (IDE), komunikasi bersemuka, 12 Ogos 2024). Akademi Kenegaraan Malaysia (komunikasi bersemuka, 25 Oktober 2024) menyatakan;

"Satu setengah tahun kita nak dapatkan enam gagasan itu. Dan enam gagasan itu sebenarnya adalah kesinambungan daripada apa yang pernah dinukilkan oleh Dato' Seri

Anwar Ibrahim pada tahun 1995 iaitu Asian Renaissance, buku Kebangkitan Asia. Dalam buku itu, waktu itu ialah Kapitalis menguasai dunia. Dato' Seri Anwar datang dengan gagasan human economy, ekonomi manusia. Membicarakan bagaimana ekonomi manusiawi ini boleh membentuk negara yang bertamadun.”

Bertitik tolak daripada itu, Gagasan Malaysia Madani terangkum dalam enam rukun yang mewakili nilai-nilai sejagat (*universal values*) untuk memenuhi keperluan negara pada hari ini. Perbincangan bagi setiap rukun dimulai dengan takrifan kebiasaan iaitu definisi secara umum dan takrifan kami merujuk kepada aspirasi serta hasrat yang ingin dicapai disamping menepati kearifan lokal masyarakat tempatan (Institut Darul Ehsan, komunikasi peribadi, 12 Ogos 2024). Secara keseluruhannya, gagasan Malaysia Madani merupakan himpunan pengalaman dan idealisme Anwar Ibrahim bermula sejak beliau menjadi aktivis belia sehinggalah dilantik sebagai Perdana Menteri dalam konteks sebuah kesinambungan gagasan (Manuty, 2025).

Oleh itu, Gagasan Malaysia Madani diilhamkan sebagai solusi dalam pembinaan masyarakat dan negara untuk menghadapi kerencaman masa hadapan yang tidak terduga di era Pasca Normal. Ibrahim (2023) menyatakan bahawa:

“Dengan menyedari bahawa kebanyakan masalah kita saling berkait dan menuntut langkah yang serentak di pelbagai bidang dan sektor. Suatu usaha raya yang memerlukan rangkulan seluruh anggota masyarakat serta kesedaran akan keperluan dan cabaran masa hadapan. Kita harus melengkapi diri dengan ilmu pengetahuan serta belajar untuk bergerak dalam dunia pasca normal.”

Gagasan ini merupakan ikhtiar yang dilakukan secara bersepadu dan holistik sebagai dasar pentadbiran agar dapat menjadi pemacu kepada peradaban Malaysia yang gemilang. Justeru, setiap warganegara perlu memahami dan menghayati setiap hasrat yang terkandung dalam gagasan ini untuk diimplementasikan secara menyeluruh.

Metodologi

Kajian ini menggunakan sepenuhnya reka bentuk kualitatif di dalam pengumpulan data dan menganalisis data. Kaedah pengumpulan data terbahagi kepada dua iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Pengumpulan data sumber primer diperoleh melalui temu bual tidak berstruktur yang dilakukan secara pensampelan bertujuan. Pemilihan responden melibatkan para pemegang taruh terpilih yang terlibat secara langsung dalam perancangan dan pelaksanaan Gagasan Malaysia Madani. Sebanyak lima buah institusi utama yang terdiri daripada pembuat dasar, ahli akademik dan pemimpin masyarakat iaitu Institut Darul Ehsan (IDE), Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Institut Islam Hadhari (Hadhari) Universiti Kebangsaan Malaysia, Bahagian Maqasid Syariah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Akademi Kenegaraan Malaysia. Temu bual yang dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis tasawur yang menjadi teras kepada Gagasan Malaysia madani dari sudut pandang ahli-ahli pemegang taruh. Selain itu, kajian ini turut mengumpulkan data sekunder melalui tesis, jurnal, buku-buku, dan media sosial yang mempunyai maklumat penting berkait T-PM. Seterusnya, data-data yang telah dikumpul dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti 24.1.3. Pemilihan penggunaan perisian ATLAS.ti 24.1.3 sebagai instrumen untuk menganalisis adalah kerana ia sangat sesuai menganalisis data kualitatif yang berbentuk teks, interpretasi dan makna (Lebar, 2009). Perisian ini juga mempunyai kebolehan untuk menterjemah dan membuat pengekodan data-data tekstual dalam jumlah yang banyak (Spector et al., 2008).

Dapatan dan Perbincangan

Analisis Pandangan Pemegang Taruh Terpilih Terhadap Tasawur Malaysia Madani

Berdasarkan daripada temu bual yang telah dijalankan, pengkaji telah mengenal pasti beberapa bentuk tasawur yang mendasari Gagasan Malaysia Madani dari sudut pandang ahli-ahli pemegang taruh yang terpilih. Dapatan temu bual diringkaskan ke dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Dapatkan temu bual Ahli-Ahli Pemegang Taruh yang terpilih

Bil.	Pemegang Taruh	Rumusan Dapatan
1.	Institut Darul Ehsan (IDE)	Tasawurnya berbalik kepada tasawur Islam masyarakat madani di Kota Madinah dalam konteks menepati ciri dan nilai. Ada usaha untuk menerapkan Maqasid Syariah sebagai tasawur Malaysia Madani di peringkat awal pembinaan.
2.	Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)	Aspek tasawur Malaysia Madani disandarkan kepada kesinambungan daripada konsep madani mengikut ilmuwan Islam terdahulu berdasarkan tasawur Islam.
3.	Institut Islam Hadhari (HADHARI), Universiti Kebangsaan Malaysia	Aspek tasawur Malaysia Madani masih tidak jelas dan belum mempunyai penerangan terperinci seperti pendekatan Islam Hadhari sebelum ini.
4.	Bahagian Maqasid Syariah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)	Dalam proses untuk menjadikan Maqasid Syariah sebagai tasawur.

Jadual di atas merupakan rumusan dapatan yang telah dianalisis oleh pengkaji daripada temu bual yang dijalankan. Hasil transkripsi data temu bual telah dikodkan dengan bantuan alat perisian ATLAS.ti versi 24.1.1.3. Kajian ini mendapati, terdapat tiga bentuk tasawur Malaysia Madani menurut pandangan ahli-ahli pemegang taruh yang terpilih. Pertama, berpandukan tasawur Islam masyarakat madani di Kota Madinah. Kedua, tasawur berdasarkan Maqasid Syariah. Ketiga, tasawur yang tidak jelas. Ketiga-tiga bentuk tasawur ini dibincangkan dengan lebih terperinci dalam sub tajuk di bawah.

Tasawur Malaysia Madani Berpandukan Tasawur Islam Masyarakat Madani di Kota Madinah

Jadual 2: Pandangan Pemegang Taruh tasawur Malaysia Madani berpandukan tasawur Islam masyarakat madani di Kota Madinah

Sumber	Petikan Transkripsi
Institut Darul Ehsan (IDE)	"Kemudian kita bincang jugak kerangka madani dalam konteks bagaimana Islam sebagai latar tu memang dimasukkan jugaklah. Benda-benda asas ni memang dimasukkan dalam buku. Dan dijadikan sebagai kerangka"
	"Ucapan dia, dia memasukkan asal muwassal ekspresi Madani. Dia sebut dengan jelas berkaitan dengan pembangunan Negara Madinah."
	"Sahifah Madinah dan Madani ni, kita tengok memang itu kerangka yang dituju. Bukan madani yang perlu jadi sama dengan Sahifah Madinah. Maksudnya itu ciri-ciri negara yang kita nak tapi dalam masa yang sama mana nilai yang menuju ke situ."
Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)	"Kita terikat dengan satu tatakelola lah yang perlu saling patuh-mematuhi. Jadi bagi konsep Din seorang insan dia terikat dengan Tuhan. Dengan janji-janji dan syariat tuh. Jadi bila awak dah jadi seorang yang beragama awak perlu patuh kepada satu tatakelola yang tuhan telah anugerahkan kepada awak. Sebab tu bila diterjemah ke dalam sebuah komuniti ahli Madinah,"
	"Segalanya terikat dah sebab kita dibentuk oleh sebuah tatakelola Madinah. Jadi, masyarakat Madani ni yang saya faham ialah masyarakat yang diikat dengan satu tatakelola, ikatan perundangan, ikatan akhlak, ikatan akidah dalam sebuah komuniti yang dipersetujui. Kita panggil Madinah sebagai tempat. Ahlinya ahli yang Madani lah. Ahli Madani ialah ahli yang berkesedaran tentang keterikatannya. Jadi model nilah yang cuba diterjemah daripada konsep al-din."
	"..konsep Madinah al-Munawwarah. Sebuah model konsep al-din dalam Islam tu diterjemahkan oleh Nabi Muhammad SAW dalam persekitaran Madinah. Nabi Muhammad SAW menggunakan pelbagai kaedah untuk mewujudkan masyarakat madani Madinah yang masyarakatnya hidup dalam sebuah keterikatan yang sebelum

	ni tak berlakulah. Sebelum ni bebas tidak ada ikatan kan. Bunuh-membunuh, wanita tak dihormati, tidak ada peraturan dari segi hubungan. Jadi bila sudah jadi Madinah lepas pasca Islam tu semuanya disusun semula mengikut pedoman dan konsep al-din al-Islam."
	"..selepas era Nabi Muhammad dunia Islam semakin berkembang, demografi Islam pun semakin berubah. Tetapi nilai dan prinsip madani menjadi asas dalam pembentukan negara-negara, empayar-empayar."
	"Pembangunan negara yang perincian konsep al-Din tu bererti syumul, bererti yang berperadaban, yang menjaga kepentingan semua pihak. Dapat menerapkan nilai-nilai baru dalam masyarakat. Sebab tu dia anggap sebuah negara dari perspektif al-din tu dia mengangkat nilai-nilai. Dia ada lima nilai teras ya. Jadi negara 'al-Madinah al-Fadhilah' ni dia semua negara yang mengandungi nilai-nilai unggul."
	"Madani ni memang sebuah pendekatan pembangunan berteraskan Islam. Bersandarkan konsep ketamadunan Islam."
	"Civil society tu dia terjemahan. Bagi kefahaman saya, konsep sivil tu bukan. Saya dah faham lain. Bila tafsiran di bawah dia jadi hanya masyarakat sivil kan. Tapi kita kena faham konsep sivil. sivil tu dari istilah Inggeris. Dia ada unsur madani jugak di dalam tu. Tetapi tidak menyeluruh. Dalam konsep madani yang besar ada unsur sivil. Sivil ni makna dia yang tadilah. Keterikatan. Tetapi dia kekurangan pengabdian. Pengabdian tu takdelah. Ubudiyah takdelah dalam konsep sivil. Dalam Madani ada. Madani ni lebih lengkap, komprehensif kerana dia ada unsur ubudiyah. Dia tidak hanya masalah am. Kalau sivil ni untuk masalah."
	"Konsep bagi kita orang Islam kena jelaslah kan. Kembali kepada isu bahawa ada persoalan Madani ni tidak berakar umbi daripada susur galur Quran Sunnah, bagi saya saya nafi lah. Kerana dia datang dari istilah Din itu. Dalam tafsiran Din kita adalah Din agama Islam. Bukan dalam konteks Din makna agama, tafsiran Din tu ialah Islam sebagai syariat."
	"Madani ni dia nak tawarkan model pembangunan syumul yang Islam nak lah."
Institut Islam Hadhari (HADHARI)	"Dalam madani ada unsur-unsur Islam. Tapi kita tak boleh kata Islam itu madani, madani itu Islam."
	"Itulah yang saya rasa madani tu dia tak nak letak Islam sebab madani tu sendiri dah daripada Islam."

Jadual di atas mendapati pembentukan tasawur Malaysia Madani beracuankan daripada tasawur Islam seperti yang dijelaskan oleh Institut Darul Ehsan (IDE) dan Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Walau bagaimanapun, Madani yang berasal daripada acuan Islam kadang kala menimbulkan kekeliruan dengan istilah masyarakat sivil kerana membawa maksud yang sama jika diterjemah secara langsung. Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) menegaskan bahawa keduanya membawa kepada pentafsiran peradaban yang berbeza kerana tunjang kepada tasawur Islam madani iaitu elemen Tauhid '*Ubudiyah*' tidak ada dalam konsep masyarakat sivil seperti yang dinyatakan oleh al-Attas (2020) dan Furqon (2022). Oleh itu, penggunaan istilah Madani samada digandingkan dengan Islam atau tidak seperti yang dikemukakan oleh Institut Islam Hadhari (HADHARI) tidak merubah naratif asal mengikut kata dasarnya daripada kalimah *al-Din*, menjadi madani dan madinah (al-Attas, 2020).

Gagasan kenegaraan ini diinspirasikan daripada Negara Madinah yang dipimpin oleh Nabi Muhammad SAW. Kejayaan Nabi Muhammad SAW menubuhkan negara Madinah dengan menyatu padukan masyarakat yang berbilang kaum dan agama menjadi rujukan utama dalam proses membina Malaysia Madani (Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), komunikasi bersemuka, 12 Ogos 2024). Kerukunan hidup masyarakat madani di Madinah dipayungi oleh Piagam Madinah yang merupakan perlembagaan negara bertulis pertama di dunia (Mohd Fadzli et al., 2022). Setelah agama Islam semakin berkembang, pembinaan masyarakat madani di Kota Madinah berpaksikan *al-din* tetap menjadi rujukan dalam membina empayar ketamadunan Islam yang lain. Hal ini dapat dilihat melalui usaha untuk menerapkan nilai-nilai yang terkandung di dalam Piagam Madinah oleh negara-negara Islam yang mempunyai penduduk berbagai kaum dan agama seperti Deklarasi Marakesh (2016), Risalah Amman (2004) serta Piagam Harmoni (2024) (Mohamed Adil, 2025).

Tasawur Malaysia Madani berdasarkan Maqasid Syariah

Jadual 3: Pandangan Pemegang Taruh tasawur Malaysia Madani berdasarkan Maqasid Syariah

Sumber	Petikan Transkripsi
Institut Darul Ehsan (IDE)	"Prof Jasser Auda dia kaitkan Madani dengan al-din, umran hadhari, umran badawi. Jadi dia meyakinkan bahawa soal Islam sebagai cara hidup tu terpasak jugaklah di dalam pembangunan Maqasid Syariah. Jadi itu sebabnya elemen Maqasid Syariah itu ada."
Bahagian Maqasid Syariah, JAKIM	"Maqasid belum ada. Jadi, <i>happened to be</i> Maqasid tu diterima dalam tu. Cuma, kita tak sampai tahap angkat dalam Mesyuarat Jemaah Menteri dan sebagainya. Tapi <i>ground work</i> tu kita dah start." "Madani ni <i>outcome</i> dia. Tapi, nak capai Madani ni nak pakai apa? Nak pakai Islam lah. Sahifah Madinah kan? Tapi nak pakai Islam, yang macam mana? So, kita kata pakailah metodologi Maqasid untuk capai ni." "Tapi yang ni kalau tanya saya kenapa kita pilih Maqasid, kita tak sebut Madani sangat. Tu yang saya kata saya tak namakan program Maqasid saya Madani, Madani tak. Sebab Madani ni yang kita nak capai. Idea, kalau kita berjaya lah mengamalkan Islam ni dengan betul bagaimana yang al-Quran dengan Hadis suruh. Pendekatan ni mungkin tak menyeluruh, tapi yang ni lah alternatif yang kita <i>workout</i>."

Berdasarkan jadual di atas, pengkaji mendapati Maqasid merupakan salah satu daripada elemen yang menjadi tunjang kepada Gagasan Malaysia Madani. Seperti mana yang dibincangkan oleh Yusof Rawa (2024) dan Wan Zakaria et al. (2024), maqasid merupakan suatu pendekatan yang sentiasa relevan untuk menjaga masalah-masalah agama serta memenuhi tuntutan perubahan zaman. Sebenarnya, pentadbiran negara Malaysia telah mengamalkan sistem tadbir urus berteraskan Maqasid Syariah bermula dari tahun 2015 sehingga kini. Tadbir urus berteraskan minda maqasid telah diimplimentasikan dalam setiap polisi dan dasar kerajaan selaras dengan kepentingan untuk memelihara lima elemen masalah iaitu memelihara agama; nyawa; akal; keturunan; dan harta (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2022). Akan tetapi, mengikut penjelasan yang diberikan oleh Bahagian Maqasid Syariah JAKIM, elemen maqasid masih belum disepadukan dalam Gagasan Malaysia Madani sepenuhnya. Oleh itu, pihak JAKIM bercadang untuk menjadikan maqasid sebagai kerangka metodologi utama bagi mencapai keberhasilan Malaysia Madani. Perkara ini dilihat penting kerana gabungan di antara tiga elemen utama maqasid iaitu elemen Ketuhanan, manusia dan alam melengkapkan komponen-komponen utama Gagasan Malaysia Madani (Wan Zakaria et al., 2024).

Tasawur Malaysia Madani Masih Tidak Jelas

Jadual 4: Pandangan Pemegang Taruh mengenai tasawur Malaysia Madani yang kurang jelas

Sumber	Petikan Transkripsi
Institut Darul Ehsan (IDE)	"Sebenarnya itu yang nak disyarahkan untuk masyarakat ni bahawa bila kita sebut tentang Madani bukan suatu benda yang mudah. Kita perlukan keilmuan nak bawa untuk dikembangkan, difahami. Itu balik kepada ucapan dia tahun 79 tu. Islam sebagai penyelesaian masyarakat majmuk tu. Kalau tidak dia akan jadi <i>defensive</i>, sedangkan nilai-nilai Islam tu jauh lebih tinggi. Jadi, nak membawa kepada kefahaman itu yang kadang-kadang kita ambik pendekatan yang simplistik, masyarakat boleh faham dengan mudah." "..dalam buku Madani yang asal, dia tidak kaitkan sangat dengan Sahifah Madinah apa semua. Tetapi dalam ucapannya 19 hari bulan ada, dan kita masukkan jugak dalam buku yang baru cetak terbitan terbaru. Kita masukkan jugak ucapan dia. Ucapan dia, dia memasukkan asal muwassal ekspresi Madani."
Institut Islam Hadhari (HADHARI)	"dalam pengenalan buku tu dia tidak menyatakan secara jelas asal usul dia." "Jadi dia tidak jelaskan Islam ke, apa ke." "<i>branding</i> madani tu sebab dia tengok keadaan negara sekarang ni majmuk kan dah

	lama tapi kita semakin terpisah. Jurang perpisahan tu makin lebar, gap tu makin lebar. So, dia tak mahulah konotasi madani tu untuk orang Islam. Tapi bukan bermaksud dia menidakkan Islam. Ha, macam tulah. Kalau bawa ke Sabah Sarawak, ramai orang bila dengar madani dia memang <i>confuse</i>, tak nak dengar langsung. Jadi, <i>of course</i> lah sebagai orang nombor satu negara dan dia yang menjaga semua rakyat <i>of course</i> lah dia tak nak berlaku macam apa yang disebut tu.” “saya rasa tidak menjadi masalah pun kalau kita tegaskan bentuk ni mengambil idea daripada Sahifah Madinah. Dan kita kena meyakinkan pakar dan rakyat yang non-Muslim dengan menyatakan Islam itu untuk kesejahteraan semua.”
Bahagian Maqasid Syariah, JAKIM	“So, itulah <i>based on</i> apa yang saya cakap hari ni kita tak nampak dia punya tasawur.”

Dapatan daripada jadual di atas memberikan gambaran yang jelas terhadap kesamaran tasawur Malaysia Madani dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Seperti yang diterangkan oleh Institut Islam Hadhari (HADHARI), Gagasan Malaysia Madani di peringkat awal pelancarannya tidak mengetengahkan falsafah yang menjadi acuan kepada pembentukan gagasan tersebut. Gagasan ini bermula dengan pelucuran buku SCRIPT (2022) yang kemudiannya di alih bahasa ke dalam Bahasa Melayu bertajuk Membangun Negara Madani (2022). Namun demikian, hanya setelah cetakan keempat (edisi semakan) pada tahun 2023, barulah disesuaikan untuk pembaca Melayu Islam dengan memasukkan petikan ayat-ayat al-Qur'an dan hadis. Mengikut Institut Darul Ehsan (IDE) (komunikasi bersemuka, 12 Ogos 2024), setiap buku yang diterbitkan mempunyai sasaran pembaca yang berbeza. Buku SCRIPT yang dilancarkan pada peringkat awal mensasarkan pihak-pihak yang berkepentingan dalam membuat polisi negara serta penduduk Sabah dan Sarawak yang bukan beragama Islam. Bagi buku dalam versi Bahasa Melayu diterbitkan khusus untuk kaum Melayu dan beragama Islam.

Senario yang berlaku menunjukkan bahawa tiadanya penetapan terhadap tasawur sebenar Malaysia Madani. Antara faktor utama yang menyebabkan hal ini berlaku adalah kerana wujudnya keretakan sosial yang menyebabkan jurang persefahaman antara kaum di Malaysia semakin meluas. Menurut Muhammad Haled (2021), terdapat lima perkara yang mencetuskan kelompongan ini iaitu menjadikan politik kepartian sebagai alat perpecahan; politik dan ekonomi negara didominasi oleh kaum bukan Melayu; kewujudan sekolah vernakular; media sosial yang tidak difungsikan sebagai alat perpaduan (Hamzah & Yanfang, 2025); dan masyarakat yang tidak peka terhadap nilai-nilai sejarah serta isu-isu sensitif berkait bangsa dan agama lain. Permasalahan ini perlu diatasi dengan menekankan prinsip-prinsip keadilan sosial dan menghapuskan amalan diskriminasi antara kaum seperti yang terkandung di dalam ajaran Islam (Abdul Majid, et al., 2024). Melalui pengamalan ajaran Islam yang tulen dan telus, penerapan nilai-nilai Islam terhadap dasar negara akan diterima baik oleh golongan bukan Islam seperti penerapan nilai assabiyah Islamiah oleh masyarakat *Musta'rib* di Andalusia suatu ketika dahulu (Sham Shul Bahri & Musa, 2022; Mohd Ali & Abdul Aziz, 2022). Dalam konteks negara kini, pendekatan berhikmah dan harmoni dalam mendekati komuniti multi-etnik tanpa menggadaikan prinsip syariat Islam merupakan salah satu strategi yang telah berjaya dilaksanakan di Negeri Sarawak (Ashaari et al., 2024).

Kesimpulan

Sebagai penutup, dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa tasawur pembangunan madani yang sebenar adalah berdasarkan tasawur Islam yang tulen. Tasawur Islam bersumberkan epistemologi Islam beserta tiga elemen utama iaitu Allah SWT sebagai Pencipta; manusia sebagai makhluk dan sumber alam sebagai makhluk yang bersifat holistik dan memenuhi fitrah kehidupan insan. Ia selari dengan pembangunan yang dibangunkan oleh Rasulullah SAW di Madinah dan diteruskan pula oleh tamadun-tamadun Islam yang unggul seperti Tamadun Abbasiyah di Baghdad dan Tamadun Andalusia di Sepanyol. Jelasnya, tasawur Gagasan Malaysia Madani yang mendasari negara masih belum nyata acuannya yang sebenar walaupun para pemegang taruh secara majoritinya mengakui ia beracukan tasawur Islam yang tulen.

Malaysia hakikatnya telah berjaya menampilkan budaya perpaduan yang sangat kaya dengan sifat toleransi dan keterbukaan hidup secara berbilang kaum. Keseimbangan interaksi antara pelbagai kaum dan agama di Malaysia yang bersifat wasatiyyah turut temaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan (Azfar et al., 2024; Yusuf et al., 2025). Maka, usaha untuk mewujudkan masyarakat

madani yang bernaung di bawah satu acuan yang sama sebenarnya tidak mustahil diwujudkan dengan ilmu dan kefahaman oleh semua anggota masyarakat. Justeru, suatu kerangka baharu T-PMM perlu disediakan agar tasawur Gagasan Malaysia Madani dapat memandu rakyat untuk menterjemahkan hasrat dan cita-cita negara.

Penghargaan

Artikel ini adalah hasil awal daripada penyelidikan di bawah Geran *Fundamental Research Grant Sceme* (FRGS) [203.CISDEV.6712159] yang bertajuk “*Pembinaan Kerangka Baharu Tasawur Pembangunan Malaysia-Madani (T-PMM)*” untuk tempoh 1 Oktober 2023-30 September 2026.

Rujukan

- Abd Razak, M.R. (2003). Gagasan Malaysia dan Penglibatan British: Satu Tinjauan. *JEBAT*, 29, 109-122.
- Abdul Majid, L., W Sulong, W.S.N., Md Ariffin, M.F., Mohd Saad, M.F., Mohd Othman, F., (2024). Sahih Bukhari Hadith's View of Social Justice in Multiethnic Nation. *GJAT*, 12, 29-43.
- Abdul, A.A. (2017). *Negara Masalah Dalam Konteks Malaysia*. Penerbit UTM Press.
- Ahmad, F.A. (2010). *Kaedah Pengurusan Institusi-Institusi Pembangunan Berteraskan Islam di Malaysia – Pemenang Anugerah Tesis Doktor Falsafah Terbaik Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin 2009*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Al-Attas, S.M.N. (1996). “The Worldview of Islam: An Outline”, Dlm Al-Attas, S.S (Eds.), *Islam and the Challenge of Modernity: Historical and Contemporary Contexts*. International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Al-Attas, S.M.N. (2007). *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Al-Attas, S.M.N. (2020). Islam dan Sekularisme. Pusat Pengajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban Raja Zarith Sofiah (RZS-CASIS)
- Al-Attas, S.M.N. (2023). *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*. UTM Press
- Al-Faruqiy, I.R. (1995). *Al-Tawhid: Its Implications for Thought and Life*. International Institute of Islamic Thought.
- Al-Mawdudiy, A.A. (1985). *Nazariyyah al-Islam al-Siyasiyyah*. Al-Dar al-Sa’udiyyah li al-Nasyr wa al-Tawzi’.
- Al-Qasimiy, A.M. (1989). *Al-Mu’jam al-‘Arabi al-Asasi*. Larousse.
- Al-Zayn, S.‘A. (1982). *Al-Islam wa Idiyulujiyyah al-Insan*. Dar al-Kitab al-Lubnaniy.
- Ashaari, M.F., Ibrahim, M.A. & Abdul Ghani, M.Z. (2024). Pendekatan Pendakwah Dalam Masyarakat Multi-Etnik: Kajian Kuantitatif di Sarawak. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 25(3), 26-38.
- Awang, R. (1997). *Tasawwur Rabbani Menurut Al-Qur’an dan Al-Sunnah*. Al-Hidayah Publication.
- Azfar, M.R., Muslim, N., Khalid, K.A.T., Yaacob, M. (2024). The Malaysian Social Contract: A Historical Perspective. *Journal of Ecohumanism*, 3(3), 150-160.
- Berghout, A. (2009a). “The Islamic Worldview: Glimpses on Studies and Definitions”, Dlm Berghout, A. (Eds.), *Introduction to the Islamic Worldview Study of Selected Essentials*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Berghout, A. (2009b). Worldview: Objectives, Kinds and Approaches, Dlm Berghout, A. (Eds.), *Introduction to the Islamic Worldview Study of Selected Essentials*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Din, H. (1992). *Tasawwur Islam*. Shah Alam, Selangor: Pustaka Hizbi.
- Din, H. (2007). *Islam: Ibadah Pembina Tamadun Manusia*. PTS Milenia.
- Fadzil, S. (2009). *Pandangan Sarwa Islami*. Diakses pada 2 Oktober 2009, daripada <http://drsiddiqfadzil.blogspot.com/2009/08/pandangan-sarwa-islami-islamic.html>.
- Furqon, A. (2022). *Civil Society Vis a Vis Masyarakat Madani*. *Jurnal Pemikiran Politik Islam*, 1(1), 1-20.

- Ghazali, A. (1990). *Development: An Islamic Perspective*. Pelanduk Publications.
- Gutting, G. (1980). Introduction, Dlm Gutting, G. (Eds.), *Paradigms and Revolutions Appraisals and Applications of Thomas Kuhn's Philosophy of Science*. University of Norte Dame Press.
- Hamzah, M. & Yanfang, Y. (2025). A Three-Dimensional Discourse Analysis About the Performance of Chinese Language Media's Coverage of Malaysia Madani Concepts: A Case Study of *Sin Chew Daily*. *SEARCH Journal of Media and Communication Research*, 17(4), 1-16.
- Hanapi, M.S. (2015). Tasawur Pembangunan Negara Zikir. Kerta kerja ini dibentangkan di *Bengkel RUT-ISDEV Ke-5*, Universiti Sains Malaysia.
- Hassan, M.K. (1993). The Islamic World-View kertas kerja yang dibentangkan di *Seminar on Islam and its World-View: An American Perception*, anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan The Malaysian-American Commission On Education Exchange, di Hotel Pan Pasific, Kuala Lumpur, 19 Ogos.
- Hung, E. (1997). *The Nature of Science: Problem and Perspectives*. Wardsworth.
- Ibn Manzur, A.A.F.J. (1994). *Lisan al-'Arab*, Jld. 5. Dar Sadir.
- Ibrahim, A. (2023). *Membangun Negara Madani: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi*. IDE Research Centre Sdn. Bhd.
- Lebar, O. (2009). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Madkur, 'A.A. (1990). *Manhaj al-Tarbiyyah fi al-Tasawwur al-Islamiy*. Dar al-Nahdah al'Arabiyyah.
- Mangiarotti, E. (2023). Malaysia 2023: A Reform Agenda Overshadowed by Identity Politics. *Asia Maior*, 34, 187-202.
- Manuty, M.N. (2025). *Sinergi Ilmuwan-Pemerintah dalam Merealisasikan Malaysia Madani*. Penerbit IKIM.
- Mas'ud, J. (1990b). *Al-Ra'id Mu'jam Lughawiy 'Asriy*, Jld. 2. Dar al-'Ilm li al-Malayin.
- Md Raeh, R. (2022, Oktober 23). Kenali 9 Perdana Menteri Malaysia. Sinar Bestari. <https://sinarbestari.sinarharian.com.my/buletin/kenali-9-perdana-menteri-malaysia>
- Mihna, 'A.'A. (1993). *Lisan al-Lisan Tahdhib Lisan al-'Arab li al-'Allama Abi al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Mukram Ibn Manzur*, Jld. 2. B Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Mohamad, A.H. (2025). Kedudukan Islam dalam Perlembagaan Malaysia: Kesannya kepada Pembangunan Negara. Dlm Institut Kefahaman Islam Malaysia (Eds.) *Malaysia sebagai Sebuah Negara Islam*. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Mohamed Adil, M.A. (2025). *Piagam Madinah Model Perpaduan Malaysia Madani*. Penerbit IKIM.
- Mohd Ali, M.Z. & Abdul Aziz, A.R. (2022). Meneladani Integrasi Komuniti Bukan Muslim: Kewujudan Musta'rib dalam Pemerintahan Islam Andalusia (92-898 Hijrah). *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(2), 308-317.
- Mohd Fadzli, A.I., Wan Chik, W.M.Y., Ismail, A.F., Moktar, M.S., Zulkifli, A.A., & Mohd, Z. (2022). Konsep Kewarganegaraan Menurut Piagam Madinah: Suatu Sorotan Awal. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(2), 207-220.
- Mohd Salleh, N.H. (2023 Februari 14). Konsep Malaysia Madani Tidak Jelas Kata Ketua Pembangkang. *Malaysia Now*. <https://www.malaysianow.com/my/news/2023/02/14/konsep-malaysia-madani-tidak-jelas-kata-ketua-pembangkang>.
- Muhammad Haled, M.H. (2021). Masyarakat Madani Menurut Islam dalam Konteks Al-Ta'ayush di Malaysia, Dlm Tumin, M et al., *Islam dan Dinamika Masyarakat Sivil di Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya.
- Panel Akademi Pengurusan YaPEIM. (2011). *Pengurusan Dalam Islam Menghayati Prinsip dan Nilai Qurani*. Kuala Lumpur: Akademi Pengurusan YaPEIM.
- Qutb, S. (1965). *Khasa'is al-Tasawwur al-Islamiy wa Muqawwimatih*. Dar al-Syuruq.
- Saat, I. (2014). Tun Abdul Razak Hussein: Survival Politik Tanah Melayu 1963-1976. *Jurnal Perspektif*, 6(3), 122-137. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/download/1679/1217/2772>.
- Salleh, M.S. (2000). Pas dan Islamisasi di Kelantan, *PEMIKIR*, No. 21, Julai-September, 161-185.
- Salleh, M.S. (2002). *Pembangunan Berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Salleh, M.S. (2003a). *7 Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*. Zebra Editions Sdn. Bhd. Dan Projek

- Pengurusan Pembangunan Islam, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia.
- Salleh, M.S. (2003b). *Pengurusan Pembangunan Berteraskan Islam: Konsep dan Perkaedahan (Siri Syarahan Umum Perlantikan Profesor)*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Sham Shul Bahri, H. & Musa, R. (2022). Konsep Asabiyah Menurut Ibnu Khaldun. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(1), 145-156.
- Solihu, A. K. H. (2009). Semantics of the Qur'anic Weltanschauung: A Critical Analysis of Toshihiko Izutsu's Works. *American Journal of Islam and Society*, 26(4), 1–23. <https://doi.org/10.35632/ajis.v26i4.387>.
- Spector, M. D., Merrill, J. V. M., & Driscoll, M. P. (2008). *Handbook of research on educational communications and technology* (3rd Ed.) Lawrence Erlbaum.
- Wan Husain, W.A.F., Che Ngah, A. & Omar Din, M.A. (2017). Islam Agama bagi Persekutuan: Satu Kajian Sejarah Perundangan. *Akademia*, 87(3), 179-195. <http://dx.doi.org/10.17576/akad-2017-8703-13>.
- Wan Zakaria, W.F.A., Long, A.S. & Yaakob, Z. (2024). Matlamat pembangunan Mampan (SDGS) dalam Kerangka Malaysia Madani dan Maqasid Syariah. *International Journal of Islamic Thought*. 25(June), 160-176. http://journalarticle.ukm.my/24024/1/IJIT_25_14.pdf.
- Yusoff Rawa, M. (2024). *Malaysia Madani Perspektif Maqasid Syariah*. Negeri Sembilan: ILHAM Books.
- Yusuf, F., Murdani, T., Fairus, F., Rasyidah, R., Jarnawi, J., Zuhdi, A., & AB, S. (2025). Wasatiyyah Da'wah and Religious Freedom in Malaysia: A Constitutional Perspective. *Jurnal Ilmiah Peuradeun*, 13(2), 1527-1548. <https://doi.org/10.26811/peuradeun.v13i2.1452>.
- Zarkasyi, H.F. (2004). *Islam sebagai Pandangan Hidup (Kajian Teoritis Dalam Merespon Perang Pemikiran)*. Diakses pada 11 Jun 2010, daripada http://pondokshabran.org/index.php?option=com_content&task=view&id=37&Itemid=17.
- Zarkasyi, H.F. (2007). *Islam Sebagai Pandangan Hidup*. Diakses pada 10 Mei 2010, daripada <http://idrusalih85.wordpress.com/2007/07/09/islam-sebagai-pandangan-hidup/>.
- Zarkasyi, H.F. (2011). *Pandangan Hidup, Ilmu Pengetahuan dan Pendidikan Islam*. Diakses pada 17 Mei 2011, daripada <http://fajrulislam.wordpress.com/2011/01/17/pandangan-hidup-ilmu-pengetahuan-dan-pendidikan-islam/>.